

Headline	1,000 imam ditawar ke Mekah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	218,251
Page No	6	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	297 cm <sup>2</sup>
Journalist	MOHD. TURMADZI MADUN	AdValue	RM 3,808
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,423



# 1,000 imam ditawar ke Mekah

Tok Batin, guru pondok antara yang dipilih tunai ibadah haji

MOHD. TURMADZI MADUN

**PUTRAJAYA** – Dua orang Tok Batin dan lapan guru pondok merupakan antara 1,000 imam serta Pengerusi Jawatankuasa Kampung Keselamatan dan Kemajuan Kampung yang terpilih untuk mengerjakan haji melalui Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan IMalaysia Development Berhad (IMDB) 2014/1435H.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, program yang ditaja sepenuhnya oleh IMDB melibatkan kos hampir RM10 juta itu diadakan bagi menghargai mereka yang dianggap tidak ternilai.

Kos itu tidak termasuk subsidi khas yang diberikan oleh Lembaga Tabung Haji. Kos bagi seorang jemaah haji termasuk subsidi ialah RM16,000.

“Kita bersyukur kerana dapat meneruskan program ini

sejak 2011 dengan menghantar sebanyak 1,311 jemaah dan pada tahun ini kita bakal menghantar 1,000 jemaah ke Tanah Suci.

“Pemilihan melibatkan 191 bahagian di seluruh negara. Setiap bakal jemaah haji turut diberi wang saku RM1,000, kain jubah dan kain pelekat oleh Biro Kebajikan UMNO.

“Saya berharap tuan-tuan menunaikan ibadat haji dengan penuh ketertiban dan disiplin. Jagalah nama baik ne-

gara, jangan lupa doakan untuk negara aman, makmur dan kesejahteraan kita bersama,” katanya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan IMDB 2014/1445H di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin di sini semalam.

Ujar Perdana Menteri, program tersebut mungkin akan

ditawarkan pula kepada bilal dan siak masjid yang masih belum menunaikan haji selepas ini.

Dalam pada itu, seorang jemaah yang juga Tok Batin Kampung Meranti, Pekan, Abdul Rani Abdullah, 54, menyifatkan tawaran menunaikan ibadah haji itu umpama mimpi menjadi kenyataan.

Menurutnya, dia tidak pernah merancang untuk menu-

naikan haji apatah lagi mendaftar dan membuat simpanan di Lembaga Tabung Haji kerana tidak mempunyai wang mencukupi.

“Buat masa ini, saya merupakan orang pertama akan ke Mekah di kampung saya yang mempunyai 600 penduduk,” katanya dari suku Jakun yang mempunyai seorang isteri dan 10 orang anak.



NAJIB (depan enam dari kanan) bersama sebahagian daripada jemaah haji pada majlis penyerahan surat tawaran program khas haji di Putrajaya semalam.